



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINGGU SAINS NEGARA 2025 ZON SABAH

SEMARAK SEMANGAT STI MERENTAS GENERASI

LAHAD DATU, 10 Julai 2025 – Sabah terus menjadi tumpuan dalam peta pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara apabila dipilih sebagai lokasi penganjuran Karnival Minggu Sains Negara 2025 (MSN) Zon Sabah untuk tahun ini.

Penganjuran ini mencerminkan sambutan luar biasa yang diterima sejak kali pertama diperkenalkan dan dilancarkan pada tahun 2018. Bagi pelaksanaan di Sabah, penganjuran Minggu Sains Negara 2025 diperhebatkan melalui MSN Kembara iaitu Kembara Sains Borneo Zon Sabah. Bas pameran bergerak PSN *Trooperz On The Move* dibawakan khas daripada Pusat Sains Negara Kuala Lumpur ke negeri Sabah dan Sarawak yang dilengkapi dengan 14 bahan pameran interaktif menarik untuk pelajar dan guru-guru.

Dalam ucapan perasmian oleh YB Dato' Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, beliau berkata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa komited dalam usaha merakyatkan sains dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai inisiatif pembudayaan STI telah dilaksanakan, termasuk membawa bahan pameran dan aktiviti sains interaktif ke bumi Borneo melalui Program Kembara Sains Borneo. Pendekatan membawa pembelajaran STI secara terus ke lapangan ini telah bermula sejak tahun 2023 dan berjaya mendekatkan sains kepada masyarakat luar bandar.

Tambah beliau, Kembara Sains Borneo 2025 telah berjaya menjelajah ke 30 buah sekolah, bermula di Kota Samarahan, Sarawak pada 6 Mei 2025 dan berakhir di Lahad Datu pada 1 Julai 2025. Sepanjang siri jelajah ini, lebih 20,000 peserta telah mendapat manfaat daripada pelbagai aktiviti yang disediakan. Respon masyarakat amat memberangsangkan apabila pelajar, guru dan penduduk setempat menyambut baik penganjuran ini, malah berharap program seumpama ini diteruskan dan diperluas pada masa hadapan.

Dianjurkan oleh MOSTI dengan Pusat Sains Negara sebagai peneraju utama, karnival MSN 2025 berfungsi sebagai platform strategik dalam menyemarakkan minat serta memperluas penglibatan rakyat Sabah dalam bidang STI, selaras dengan aspirasi memperkukuh budaya sains di peringkat akar umbi. MOSTI yakin bahawa penganjuran Minggu Sains Negara (MSN) 2025 Zon Sabah bukan sekadar menjadi acara yang dinanti-nantikan, malah berperanan penting sebagai jambatan ilmu yang mampu memperluaskan akses masyarakat kepada bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Selain itu, penganjuran MSN mendapat sokongan erat daripada rakan kerjasama strategik iaitu Planetarium Negara, Akademi Sains Malaysia dan Petrosains Discovery Center Sdn. Bhd. serta mendapat sokongan Yayasan MR. DIY selaku penaja utama MSN 2025. Kerjasama erat sektor swasta amat penting dalam memastikan inisiatif pembudayaan STI ini dapat dilaksanakan secara inklusif dan berimpak tinggi. Melalui pelbagai pengisian interaktif dan bersifat inklusif, program ini diyakini dapat membina ekosistem ilmu yang lebih mapan di peringkat negeri, sekali gus merangsang minat generasi muda untuk terus meneroka, mencipta dan memanfaatkan teknologi secara kreatif dalam kehidupan seharian. Ia juga selaras dengan aspirasi negara untuk melahirkan masyarakat celik STI yang mampu bersaing di peringkat global.

#TAMAT#

Disediakan oleh,
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
10 Julai 2025



Media kit link:

<https://drive.google.com/drive/folders/1RQC-JTl7DHkoTnrjyOqMdc7ByZxcNJEc?usp=sharing>

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Rosnani Rahman
Unit Pendidikan (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(012-336 0739)

Hafizah Kher
Unit Komunikasi Korporat (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(017-215 6862)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my



KARNIVAL



10 - 12 JULAI 2025

9:00 PAGI - 5:00 PETANG

DEWAN PERDANA, LAHAD DATU
SABAH

MASUK PERCUMA

Penganjur Bersama:



[f](#) [@](#) [x](#) [d](#) @officialmosti @mosti www.mosti.gov.my

TENTATIF KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2025 ZON SABAH

DEWAN PERDANA LAHAD DATU, LAHAD DATU SABAH

10 HINGGA 12 JULAI 2025

LOKASI	10 JULAI 2025 (KHAMIS)	11 JULAI 2025 (JUMAAT)	12 JULAI 2025 (SABTU)
Tempat Letak Kenderaan	Kendera saji Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang		
	Science on Wheels Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang		
Dewan Perdana	Pengisian Pentas		
	Majlis Perasmian MSN 2025 Zon Sabah Masa: 9:00 pagi - 11:30 pagi	Mimo Ceria Fit Masa: 9:30 pagi	
	Meet & Greet bersama Maskot Mimo Masa: 2:00 petang	Meet & Greet bersama Maskot Mimo Masa: 10:00 pagi & 2:00 petang	
	Ceritera Sebalik Radas Masa: 2:00 petang Teknologi Kepintaran Buatan - Kawan @ Lawan? (Prof. Madya Dr. Azizi Bin Ab Aziz Universiti Utara Malaysia (UUM))	Ceritera Sebalik Radas Sesi pagi:10:00 pagi Langkah Bijak Bersama STEM: Meneroka Rahsia Sains Serangga Prof Madya Dr Homathevi Rahman (ASM) Sesi petang: 2:00 petang Kenali Bumi dan Angkasa Lepas Space Dollah	Ceritera Sebalik Radas Sesi pagi:10:00 pagi Kenali Bumi dan Angkasa Lepas Space Dollah Sesi petang: 2:00 petang Kenali Bumi dan Angkasa Lepas Space Dollah
		Cabaran Meriam Udara Masa: 10:45 pagi - 11:30 pagi	

	Persembahan Sains Sesi petang: 3:00 petang (U-Science UMS)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11:30 pagi (PSN) Sesi petang: 3:00 petang (Petrosains)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11:30 pagi (PSN) Sesi petang: 3:00 petang (Petrosains)
	Trivia Sains Sesi petang: 3:30 petang	Trivia Sains (U-Science UMS) Sesi Pagi: 12:00 tengah hari Sesi petang: 3:30 petang	Trivia Sains Sesi Pagi: 12:00 tengah hari Sesi petang: 3:30 petang
	Persekitaran Dewan		
	Planet VR (PN) Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Planet VR (PN) Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	
	The Insect Lab: Touch, Learn, Discover (ASM) Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	The Insect Lab: Touch, Learn, Discover (ASM) Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	
	Build-a-Kit Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Build-a-Kit Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	
	Teroka, Jejak & Menang Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Teroka, Jejak & Menang Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	
	Dunia Minda Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Dunia Minda Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	
	Cabaran STEM Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Cabaran STEM Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	

	Ai4Belia Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Ai4Belia Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang
	Wishing Wall MSN Masa: 2:00 petang - 5:00 petang	Wishing Wall MSN Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang
	Reruai rakan penganjur bersama dan Pempamer Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	


KETERANGAN BEBERAPA PENGISIAN KARNIVAL MSN 2025

- **Science on Wheels** - Bas pameran bergerak baharu Pusat Sains Negara yang dibangunkan merangkumi bahan pameran interaktif beserta infografik.
- **Teroka, Jejak & Menang**- Aktiviti jejak sains dalam menyelesaikan cabaran yang ditetapkan secara santai di stesen dan tuntutan hadiah.
- **Mimo Ceria Fit** - Senaman pagi bersama Maskot Rasmi PSN Mimo
- **Ruang RekaLiat** - Ruang aktiviti Tinker untuk menghasilkan *Keychain* berasaskan tanah liat.
- **Sains Situ Sana Sini**- Aktiviti *science busking* di sekitar dewan
- **Cabaran Meriam Udara**-Menguji daya fokus pengunjung untuk menjatuhkan kesemua cawan atau target menggunakan meriam udara (Air cannon) yang dibekalkan
- **Cabaran Stacking Cup**-Menguji ketangkasan dan kecekapan pengunjung untuk menyusun cawan dalam masa yang paling singkat.
- **Trivia Sains**-Menawarkan hadiah menarik kepada pengunjung yang berjaya menjawab soalan kuiz bertemakan STEM dan matematik dengan tepat dan pantas
- **Persembahan Sains**- Saksikan persembahan sains ala magis yang menakjubkan seperti Burning Fire, Elephant Toothpaste, Magic Cup, Nitrogen Mushroom, Whoosh Bottle, Metal Burning, Hydrogen Balloon
- **Cabaran STEM**- Uji minda anda dengan aktiviti interaktif seperti H Puzzle, Portal Glass, Levitate, Paper Plane Launcher dan lain-lain.

KEMBARA SAINS BORNEO 2025


Timeline Program

KSB 2025 di Sabah



Timeline Program

KSB 2025 di Sarawak



JUMLAH PENYERTAAN KEMBARA SAINS BORNEO 2025

KSB 2025 SARAWAK

- 8 daerah (Kota Samarahan, Serian, Simunjan, Lubok Antu, Betong, Saratok, Sarikei & Julau)
- 14 sekolah
- **Jumlah Penyertaan - 7,770**

KSB 2025 SABAH

- 8 daerah
- PSN - Tawau, Kalabakan, Semporna, Kunak & Lahad Datu
- U-Science - Putatan, Kudat, Kota Belud,
- 19 lokasi
- **Jumlah Penyertaan - 16,173**

JUMLAH PENYERTAAN KSB 2025 : 23,943